

Malaysia Akan Meriahkan Ekspo Di Melbourne
Bernama
14 Februari, 2013
Oleh Neville D'Cruz

MELBOURNE, 14 Feb (Bernama) -- Biro Konvensyen & Pameran Malaysia (MyCEB) akan mengambil bahagian dalam Ekspo Insentif & Mesyuarat Asia Pasifik (AIME) 2013 di Pusat Konvensyen dan Pameran Melbourne pada 26-27 Feb ini.

MyCEB akan disertai oleh 24 rakan industri termasuk Lembaga Pembangunan Langkawi, Pelancongan Global Pulau Pinang, Biro Konvensyen Sarawak, Pusat Konvensyen Borneo, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur dan Pullman Kuching.

MyCEB akan menghoskan resepsi koktel "Spice Market" bagi memperkenalkan hadirin perdagangan kepada tarikan rempah dan kuisin Malaysia.

"Penyertaan MyCEB di AIME adalah sebahagian daripada langkah strategik untuk menguasai pasaran Asia Pasifik seiring dengan sasaran kami untuk meletakkan Malaysia sebagai hab acara perniagaan," kata Zulkefli Haji Sharif, ketua eksekutif MyCEB.

"Kehadiran peserta industri utama memberikan peluang kepada kita untuk membincangkan trend-trend penting yang boleh memacu industri serta merumuskan respons strategik yang boleh memperkayakan lagi industri acara perniagaan Malaysia," kata Zulkefli dalam satu kenyataan.

Zulkefli, yang akan mengetuai delegasi Malaysia berkata Malaysia akan mengetengahkan aktiviti-aktiviti seperti kaligrafi Islam dan Cina, seni membuat teh dan inai India serta melukis batik.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=927992>